

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

14 kes baharu, 8,000 pulih

Jangkitan terkini babit empat warganegara

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
 bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Jumlah kes pulih wabak COVID-19 di negara ini menghampiri 95 peratus dengan pertambahan 127 kes pulih dilaporkan semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham, berkata pertambahan jumlah berkenaan menjadikan jumlah kumulatif 8,000 kes atau 93.8 peratus daripada keseluruhan kes.

Bagi kes baharu, katanya, sejumlah 14 kes dilaporkan sehingga jam 12 tengah hari semalam, iaitu tiga kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara membabitkan dua warganegara Malaysia dan seorang pemastautin tetap.

"Daripada 11 kes penularan dalam negara, tujuh kes bukan warganegara manakala empat kes adalah dalam kalangan warganegara Malaysia.

"Bagi tujuh kes jangkitan dalam negara oleh rakyat tempatan, dua kes dikesan di Kuala Lumpur, iaitu satu kes kontak rapat kepada kes positif COVID-19, iaitu kes 8,455 dan kes 8,508. Mereka adalah rakan serumah.

"Kes kedua adalah kontak rapat kepada kes positif COVID-19 kes ke 8,498 yang juga rakan serumah.

Bagi tujuh kes jangkitan dalam negara oleh rakyat tempatan, dua kes dikesan di Kuala Lumpur, iaitu satu kes kontak rapat kepada kes positif COVID-19, iaitu kes 8,455 dan kes 8,508. Mereka adalah rakan serumah.

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan

"Di Selangor, satu kes positif, iaitu ahli keluarga kepada kes 8,368 manakala di Sarawak dua kes dikesan ketika saringan di tempat kerja sektor pembinaan.

"Masing-masing satu kes dikesan di Sabah dan Perak, iaitu satu kes menerusi saringan Orang Kena Tahan (OKT) di lokap Ibu Pejabat Polis (IPD) Penampang dan saringan sebelum memohon pulang ke negara asal," katanya di dalam kenyataan menerusi Facebook, semalam.

Bagi perincian empat kes penularan COVID-19 dalam negara oleh penduduk tempatan, Dr Noor Hisham, berkata dua kes dikesan di Kuala Lumpur, iaitu kluster Depot Tahanan Imigresen (DTI) Bukit Jalil, membabitkan kakitangan bertugas yang di situ.

"Sarawak mencatat sebanyak



Dr Noor Hisham Abdullah

dua kes, iaitu satu kes saringan pra pembedahan di Hospital Umum Sarawak (HUS), Kuching dan satu kes saringan untuk ke luar negara atas urusan penting," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, tiada pertambahan kes aktif dan jumlahnya kekal 121 kes atau 1.42 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Ini menjadikan jumlah kes masih dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) kepada empat kes dan tiada kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

782 penghuni, kakitangan depoh tahanan positif

Putrajaya: Seramai 13,149 penghuni dan kakitangan di depoh tahanan sudah disaring dan daripada jumlah berkenaan, sebanyak 782 kes dikesan positif COVID-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata daripada kes yang dikesan positif itu, 775 individu bukan dalam kalangan warganegara dan tujuh kes pula adalah warganegara Malaysia.

Katanya, Kuala Lumpur dan Putrajaya mencatat kes tertinggi, iai-

tu 648 bukan warganegara dikesan positif, manakala tiga lagi kes dalam kalangan warganegara Malaysia.

"Ia diikuti Selangor dengan 125 kes positif dalam kalangan bukan warganegara dan satu kes rakyat tempatan.

"Di Sabah, tiga kes positif COVID-19 dikesan, iaitu dua rakyat tempatan dan satu kes bukan warganegara manakala dua kes dikesan di Melaka,

masing-masing satu kes rakyat tempatan dan warga asing," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau menegaskan, 803 individu masih lagi menunggu keputusan saringan COVID-19, iaitu 611 orang di Selangor, Pulau Pinang (106), Sabah (77) dan masing-masing sembilan kes di Kuala Lumpur serta Putrajaya.

Dr Noor Hisham berkata, depoh

tahanan kini dikenal pasti sebagai lokasi berisiko tinggi bagi penularan jangkitan COVID-19 selepas dikesan dalam kalangan Orang Kena Tuduh (OKT).


"Kerajaan mengambil pendekatan tertumpu bagi kumpulan berisiko, terutama yang berada di lokasi dikenal pasti sebagai berisiko tinggi bagi penularan jangkitan COVID-19.

"Beberapa fokus turut diambil dalam saringan ini antaranya semua OKT baharu di depoh ta-

hanan perlu menjalani persampelan manakala OKT yang akan dipindahkan perlu diambil sampel terlebih dahulu.

"OKT yang akan dihantar pulang ke negara asal perlu diambil sampel terlebih dahulu, manakala semua kakitangan di pusat tahanan juga perlu diambil sampel.

"Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri akan membuat persampelan secara rawak sebagai penilaian risiko," katanya.



Grafik BH

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : LOKAL

127 lagi pesakit Covid-19 sembuh

Putrajaya: Angka pesakit pulih jangkitan virus Covid-19 di Malaysia terus menunjukkan peningkatan positif apabila 127 lagi pesakit dilaporkan sembuh semalam.

Ia menjadikan jumlah kumulatif kes pulih serta discaj daripada wad sebanyak 8,000 kes atau 93.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sehingga jam 12 tengah hari semalam, ada 14 kes baharu dilaporkan.

"Ini menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di Malaysia 8,529 kes. Oleh itu, jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan Covid-19 408 kes. Mereka diasingkan dan diberi rawatan.

"Daripada 14 kes baharu dilaporkan, tiga kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara iaitu dua warganegara Malaysia dan seorang pemastautin tetap.

"Daripada 11 kes penula-

ran di dalam negara, tujuh kes bukan warga negara manakala empat kes adalah dalam kalangan warganegara Malaysia," katanya menerusi kenyataan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), semalam.

Bagi tujuh kes jangkitan dalam kalangan bukan warga negara membabitkan dua kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, satu kes di Selangor, dua kes di Sarawak dan satu kes masing-masing di Sabah dan Perak.

Dr Noor Hisham berkata, sehingga kini, sebanyak empat kes positif Covid-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU).

"Tiada kes yang memerlukan bantuan pernafasan. Tiada pertambahan kes kematian berkaitan Covid-19 dilaporkan semalam.

"Justeru, jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 di Malaysia kekal 121 kes atau 1.42 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.

RINGKAS

Sabah sedia dana bantuan RM240j

Kota Kinabalu: Kerajaan negeri memperuntukkan RM240 juta bagi melaksanakan fasa kedua Bantuan Covid-19 dengan tema *Sabah New Deal* sebagai langkah mengaktif dan memulihkan semula beberapa sektor ekonomi yang terjejas disebabkan pandemik wabak Covid-19.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal berkata, pihaknya merangka beberapa strategi untuk usaha terbabit di samping menjadikan Sabah lebih berdaya saing dalam era digital.

"*Sabah New Deal* dirangka dengan tiga objektif utama dan antaranya mempercepat transformasi ekonomi digital di mana peruntukan RM35 juta bagi mempercepat digitalisasi sistem penyampaian perkhidmatan awam negeri," katanya.

13,149 penghuni, kakitangan disaring

Putrajaya: Seramai 13,149 penghuni dan kakitangan di Depoh Tahanan di seluruh negara diarah menjalani saringan Covid-19 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu 782 kes dikesan positif virus itu.

Mengulas lanjut katanya, pecahan kes dikesan positif membabitkan 775 individu warga asing dan tujuh kes warganegara Malaysia.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

JUMAAT 19 JUN 2020 • SINAR HARIAN



MEMERANGI WABAK COVID-19

14 kes baharu dicatatkan

Dua pegawai imigresen antara yang positif Covid-19 semalam

Oleh **TUAN BUQHAIHARH TUAN MUHAMAD ADNAN**

PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan 14 kes baharu positif coronavirus (Covid-19) termasuk dua pegawai Jabatan Imigresen Malaysia (Imigresen) yang bertugas di Depot Tahanan Imigresen Bukit Jalil.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah dalam kenyataannya berkata, kes baharu tersebut melibatkan tiga kes import dan 11 penularan tempatan.

"Tiga kes import yang mendapat jangkitan di luar negara

melibatkan dua rakyat Malaysia dan satu warga asing yang merupakan pemastautin tetap," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, 11 kes penularan di dalam negara melibatkan tujuh warga asing dan empat rakyat tempatan.

"Bagi kes melibatkan warga asing, KKM mengesan masing-masing dua kes di Kuala Lumpur dan Sarawak manakala Selangor, Sabah dan Perak merekodkan satu kes," katanya.

Menurutnya, dua kes positif dalam kalangan rakyat tempatan dikesan melibatkan pegawai Imigresen di Depot Tahanan Imigresen Bukit Jalil.

"Dua kes lagi dicatatkan di Sarawak yang mana satu daripadanya dikesan semasa saringan prapembedahan di Hospital Umum Sarawak.



DR NOOR HISHAM

"Satu kes lagi dikesan ketika membuat saringan untuk ke luar negara bagi urusan penting," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, pertambahan kes tersebut menjadikan jumlah kumulatif positif Covid-19 meningkat kepada 8,529 kes.

Beliau juga memaklumkan kes aktif dengan kebolehjangkitan terus menurun kepada 408 kes selepas 127 pesakit Covid-19 telah pulih dan dibenarkan pulang semalam.

"Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya adalah sebanyak 8,000 kes bersamaan dengan 93.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Kes kematian kekal sebanyak 121 kes selepas tiada kes kematian berkaitan Covid-19 direkodkan," kata Dr Noor Hisham.

Petugas di depot tahanan disaring

PUTRAJAYA - Kesemua kakitangan yang bertugas di depot tahanan akan menjalani ujian saringan koronavirus (Covid-19) selepas dikenal pasti berisiko tinggi dijangkiti wabak itu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah dalam kenyataannya berkata, tindakan itu susulan berlaku jangkitan melibatkan orang kena tuduh (OKT) yang ditahan di depot tersebut.

"Selain kakitangan, OKT yang baru tiba dan akan dihantar ke pusat tahanan lain turut akan disaring termasuk mereka yang bakal dihantar pulang ke negara masing-masing," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, sehingga jam 12 tengah hari semalam, sebanyak 13,149 individu telah menjalani persampelan.

"782 kes telah dikesan positif, 11,564 adalah nega-

tif dan 803 masih menunggu keputusan," katanya.

Beliau berkata, daripada 782 kes positif, tujuh adalah dalam kalangan warga tempatan dan 775 melibatkan warga asing.

"Setelah kes Covid-19 dikenal pasti, mereka diasingkan dan dimasukkan ke hospital untuk dirawat.

"Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga akan mengambil tindakan dengan melakukan saringan kes secara aktif," katanya.


Berdasarkan data yang dikeluarkan, depot tahanan di Kuala Lumpur dan Putrajaya merekodkan kes positif Covid-19 tertinggi dengan 651 kes setakat ini.

Ita disusuli dengan depot tahanan di Selangor iaitu 126 kes, tiga kes di Sabah dan dua kes di Melaka.

Orang awam diingatkan agar terus mengamalkan amalan kesihatan seperti saranan KKM bagi mengelakkan diri dijangkiti Covid-19.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia




JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU
8,529	8,000	4	121	+14

*Dikemas kini pada jam 6 petang 18 Jun 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 8,515 kes kepada 8,529 kes



BERSEKUTUANSINAR HARIAN/ENS

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : WAWANCARA

JUMAAT 19 JUN 2020 • SINAR HARIAN

#JomPulutukAsia
#Malaysia
Sinar

WAWANCARA

Laporan: MOHD RIDZUAN ABU HASSAN dan ZUBIR SULAIMAN
Foto: ASRIL ASWANDI SYUKOR

Kejayaan besar hasil kepatuhan masyarakat

Datuk Seri Dr Adham Baba genap 98 hari menjadi Menteri Kesihatan pada Isnin lalu ketika wabak Covid-19 mula menunjukkan tanda-tanda berjaya dikawal di negara ini. Begitupun, doktor perubatan berusia 57 tahun itu mengingatkan rakyat Malaysia bahawa perang melawan virus maut tersebut belum berakhir.

"Mereka perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan sekurang-kurangnya sehingga vaksin ditemui," kata beliau dalam wawancara eksklusif bersama *Sinar Harian*.

Dr Adham memberitahu, jika rakyat meng-

ambil mudah isu itu, Malaysia mungkin mengulangi insiden di China apabila wabak itu kembali tercetus walaupun sebelum itu republik berkenaan sudah diisytiharkan bebas sepenuhnya daripada Covid-19.

Dalam wawancara itu yang berlangsung di bangunan Kementerian Kesihatan di Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur, beliau turut berkongsi mengenai cabaran perkhidmatan perubatan dalam zaman Covid-19 selain ancaman demam denggi yang terus muncul dari hari ke hari.



DR ADHAM BABA

SINAR HARIAN:Menjelang genap 100 hari Datuk Seri menjawat jawatan Menteri Kesihatan, apakah perasaan Datuk Seri?

DR ADHAM: Alhamdulillah, saya bersyukur kepada ALLAH SWT kerana dewasa ini kita telah pun dapat mubuhkan kerajaan Perikatan Nasional yang diterajui Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri yang sangat terkehadapan dalam mendepani wabak Covid-19.

Cabaran itu bukan sahaja dihadapi di peringkat negara tetapi kita juga berdepan gelombang jangkitan Covid-19 di serata dunia.

Covid-19 ini merupakan satu cabaran yang sangat hebat dan kita kena tempuhinya bersama. Saya bersyukur kerana rakyat Malaysia sangat fokus dan memberikan kerjasama baik terhadap apa juga langkah kerajaan.

Prosedur operasi standard (SOP) untuk menangani Covid-19 yang dilaksanakan ketika ini membentuk satu disiplin baharu dalam kalangan rakyat. Sampai bilakah SOP ini akan berterusan?

SOP ini adalah antara langkah pencegahan dan pengawalan yang termaktub dalam Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988). Kita perlu mengawal penularan jangkitan Covid-19 yang merupakan virus baharu.

Antara langkah bagi memastikan kita dapat mengekang penularan Covid-19 adalah dengan mewujudkan SOP, dengan kata lain, garis panduan. Ini satu daripada elemen pencegahan yang dikawal sendiri oleh masyarakat dalam menghadapi dengan wabak tersebut.

Isa satu aspek sendiri yang dilakukan secara sukarela dan kini menjadi normal baharu dalam kehidupan rakyat Malaysia. Perkara itu akan berterusan sehingga ada vaksin ditemui dan ia sedang dibangunkan oleh beberapa syarikat di seluruh dunia. Malaysia juga cuba mem-

bangunkan vaksin dengan kerjasama negara lain yang turut terdedah kepada Covid-19.

Antara SOP yang paling ketara ialah penjarakkan sosial mengikut panduan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Ini merupakan salah satu daripada empat protokol dalam menghadapi Covid-19. Protokol ini termasuklah kawalan sempadan dengan menyekat kemasukan warga asing ke dalam negara. Rakyat kita yang mahu pulang dari luar negara pula perlu mengikut SOP yang ditetapkan.

Protokol lain ialah kawalan pergerakan yang kita laksanakan menerusi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan meminta rakyat duduk di rumah bagi menyekat penularan wabak dan meratakan lengkungan graf jangkitan.

Orang ramai juga diminta menjaga kebersihan diri dengan kerap membasuh tangan. Semua SOP ini akan berlarutan sehingga kita menemui vaksin. Sebab itu kita mahu masyarakat memainkan peranan melalui sendiri dengan mengelakkan tiga 3S iaitu kawasan sesak, sempit dan bersempang dalam jarak dekat.



Dr Adham (kanan) sewaktu wawancara eksklusif bersama *Sinar Harian* dan *Sinar TV* di Pejabat Menteri Kesihatan, Kuala Lumpur pada Isnin lalu.

Bagaimana penyelarasan dibuat dengan agensi lain bagi memantau kepatuhan rakyat terhadap SOP ini?

Ketika PKP dilaksanakan, Menteri Kesihatan mempunyai kuasa untuk memastikan penularan jangkitan dapat dikawal dan dicegah. Kuasa itu boleh diturunkan kepada menteri, pegawai-pegawai dan anggota penguat kuasa kementerian serta agensi terlibat seperti Menteri Dalam Negeri, polis dan pihak berkuasa tempatan bagi menguatkuasakan peraturan di bawah akta berkenaan.

SOP yang diwartakan itu mudah dipatuhi. Pertama, dengan mendapatkan maklumat yang tepat dan terkini. Hari ini di premis atau kedai, kita nampak majikan sudah meletakkan tanda jarak satu meter untuk pelanggan beratur. Kemudian mengambil suhu badan dan merekodkan nama supaya dapat mengesan individu berkenaan jika berlaku jangkitan di lokasi berkenaan. Orang ramai boleh menggunakan aplikasi MySejahtera bagi mendapatkan maklumat berkaitan Covid-19.

Covid-19 muncul kembali di China baru-baru ini selepas 55 hari negara itu menamatkan lockdown. Apakah pengajaran yang boleh kita ambil?

Ini satu maklumat penting. Apabila pandemik berlaku, kita bukan sahaja membaca ataupun menilai kes-kes dalam negara. Kita juga meneliti kes yang berlaku di luar negara, contohnya China yang merekodkan jangkitan semula.

Kita perlu ingat bahawa kita tidak boleh leka menunaikan tanggungjawab mematuhi SOP. Kita perlu memastikan tiada kemasukan warga asing dan terus patuh pada PKP, penjarakkan sosial dan melindungi diri dengan mengutamakan kebersihan. Pelajaran yang kita dapat dari negara luar ini ialah kita masih perlu berhati-hati sehingga vaksin ditemui. Sekiranya vaksin sudah ditemui pun, kita masih perlu mengamalkan normal-normal baharu.

Apakah faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan Malaysia sehingga diiktiraf sebagai antara lima negara terbaik di dunia dalam menangani wabak Covid-19?

Alhamdulillah, kita sebenarnya dapat melihat dari mula kes dikesan pada Januari 2020 sehingga hari ini, kita berjaya meratakan lengkungan graf kes jangkitan sehingga satu digit. Pada 14 Februari lalu, JP Morgan meramalkan kemungkinan besar Malaysia akan mencatatkan peningkatan kes kumulatif jangkitan hingga 6,000 kes (pada April). Tetapi alhamdulillah kita berjaya sekat Covid-19 di bawah 4,000 kes bagi tempoh tersebut.

Ini satu kejayaan besar hasil kepatuhan masyarakat terhadap SOP dengan duduk di rumah bagi menghadkan pergerakan di samping dedikasi pasukan kesihatan serta petugas barisan hadapan.

Kita mulakan dengan PKP dan kita juga ada PKP Diperketatkan di kawasan tertentu. Kemudian PKP Bersyarat yang menyaksikan hampir separuh sektor ekonomi dibenarkan beroperasi semula.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : WAWANCARA

SINAR HARIAN • JUMAAT 19 JUN 2020

WAWANCARA



7

Apabila rakyat patuh dan kes Covid-19 menurun, maka sekarang kita dapat melaksanakan PKP Pemulihan. Ini kejayaan besar negara kita sejak bermulanya PKP pada 18 Mac sehingga PKPP hari ini.

Kita sebenarnya berjaya menurunkan kes kerana dua perkara yang kita lakukan. Pertama, kita pastikan setiap kes Covid-19 yang dijangkiti dimasukkan ke hospital untuk dirawat, sama ada mereka bergejala atau tidak. Kita telah mengazatkan tujuh hospital khas Covid-19 dan 40 hospital lain untuk saringan. Kedua, kita juga kuarantin wajib 14 hari bagi individu kontak rapat (PUI) kes positif tadi. Dua perkara ini sangat digagami masyarakat dunia.

Ini semua hasil kerjasama antara semua pihak bukan sahaja daripada penguasaan tertinggi negara tetapi juga petugas barisan hadapan dan masyarakat. Terima kasih juga kepada media dan barisan hadapan media sosial yang sentiasa memberikan maklumat terkini kepada masyarakat.

Selain itu, perkara besar yang dilakukan negara ialah menyediakan sebuah pusat rawatan dan kuarantin dengan cepat iaitu di MAEPS Serdang bagi menempatkan kes gejala rendah dan kurang berisiko.

Walaupun Covid-19 tiada rawatan khusus tetapi rawatan yang diberikan di hospital menyebabkan kadar kesembuhan kita meningkat melebihi 86 peratus.

Apakah cabaran besar bidang kesihatan dan perubatan di Malaysia sekarang?

Dari hari ke hari, penyakit yang baru muncul seperti Covid-19 merupakan salah satu cabaran baharu kesihatan awam. Untuk membangunkan vaksin juga merupakan satu cabaran besar kepada negara dan dunia. Hendak bangun vaksin ini perlu melihat kesesuaian dan kesan sampingan.

Kedua, kita berdepan dengan berita-berita palsu terutama melibatkan maklumat yang mengelirukan. Ada berita palsu kononnya berlaku kes jangkitan dan kematian akibat Covid-19 di sesuatu kawasan.

Kita juga selalu berhadapan dengan keadaan di mana mereka tidak dapat rawatan kerana kekurangan maklumat. Sebab itu sehingga hari ini, kita menyasarkan supaya masyarakat mendapatkan maklumat tepat daripada daripada media, aplikasi MySejahtera dan sebarang maklumat daripada Kementerian Kesihatan.

Di KKM, cabaran kita adalah untuk memastikan data-data dan ketulenan data tersebut dapat disiarkan. Kita bertuah kerana Perdana Menteri turut mengumumkan beberapa langkah menyelamatkan ekonomi negara ketika zaman Covid-19 iaitu Pakej

Prihatin, Prihatin Tambahan dan Penjana.

Ketua Pengarah Kesihatan sendiri (Datuk Dr Noor Hisham Abdullah) setiap hari jam 5 petang menyalurkan maklumat kesihatan di samping Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang akan menjelaskan isu-isu berkaitan keselamatan.

Saya sebagai Menteri Kesihatan, tugas yang paling penting saya ialah membuat kesiapsiagaan termasuk kemudahan di hospital, makmal ujian, tenaga manusia dan petugas kesihatan.

Bagaimana Datuk Seri melihat kecekapan petugas pasukan perubatan sejak tiga bulan lalu dalam berdepan Covid-19?

Kita memiliki pasukan kesihatan terbaik di hospital dan kemudahan kesihatan awam itu sendiri. Tahap kesiapsiagaan menyebabkan kita dapat menangani wabak ini dengan baik. Di peringkat hospital, kita ada pakar penyakit berjangkit dalam merawat kes Covid-19 di samping pakar yang mengendalikan ventilator di Unit Rawatan Rapi (ICU). Rawatan itu terbukti berkesan apabila kadar kesembuhan mencapai 86 peratus.

Hari ini, selain daripada jumlah kes yang menurun sehingga satu digit, kita juga melihat kadar pesakit discaj meningkat. Pasukan di peringkat kesihatan awam terdiri daripada doktor, jururawat dan penolong pegawai perubatan yang pergi ke lapangan apabila terdapat kes positif melibatkan sesuatu kluster. Mereka ini membuat saringan dan ujian swab bagi menentukan tahap rawatan yang diperlukan pesakit, langkah kuarantin selain memberi arahan sama ada individu berisiko perlukan ujian semula dalam tempoh inkubasi wabak berkenaan.

Pasukan perubatan dan barisan hadapan telah membuat yang terbaik dan perkara ini diakui oleh pasukan perubatan dari China yang datang ke negara kita pada akhir April lalu. Mereka mengakui dan kagum dengan cara kita memberi tumpuan dalam menyekat penularan Covid-19 dan merawat pesakit.

'Kita hampir terlupa kes demam denggi'

SINAR HARIAN: Mengenai wabak denggi di negara ini, sejauh manakah ia mengancam kehidupan rakyat?

DR ADHAM BABA: Selain Covid-19, kita hampir terlupa dengan kes demam denggi yang masih melanda masyarakat negara ini disebabkan oleh nyamuk aedes. Untuk makluman, sejak 1 Januari hingga 13 Jun 2020, sebanyak 50,511 kes telah direkodkan dengan 88 kematian berbanding 56,819 kes dan 88 kematian tahun lalu.

Jika kita lihat kadar kematian adalah sama tetapi jumlah kes demam denggi pada tahun ini menunjukkan penurunan. Pelaksanaan PKP sedikit sebanyak membantu kita duduk di rumah dan menjaga kebersihan persekitaran kediaman masing-masing. Bagaimanapun, kita tidak boleh alpa atau leka dengan wabak demam denggi ini.

Sekiranya ada gejala demam denggi di satu-satu kawasan, kita tahu sumbernya adalah nyamuk aedes yang membiak di dalam takungan-takungan air bersih. Jadi kita perlu pastikan tempat pembiakan nyamuk aedes ini dapat dibersihkan.

Pasukan vektor mencegah demam denggi akan melakukan *fogging* di sekitar radius 200 meter dari kawasan wabak itu dikenal pasti. Perkara ini amat penting kerana kita memerlukan kerjasama rapat daripada masyarakat setempat. Setakat ini, kita mempunyai pasukan yang bersama-sama mencegah wabak denggi ini melalui pasukan COMBI (Komunikasi untuk Perubahan Tingkah Laku) yang diperkenalkan untuk menangani masalah denggi di Malaysia.

Buat masa ini, kita ada 2,954 pasukan COMBI di seluruh negara dengan penglibatan 25,531 sukarelawan. Mereka memainkan peranan dan bekerjasama dengan KKM bagi mengekang wabak denggi. Untuk itu, pelbagai aktiviti dilakukan termasuk melaksanakan gotong-royong membersihkan kawasan rumah dan memastikan kawasan persekitaran rumah tiada air bertakung yang membolehkan jentik-jentik membiak.

Tahun lalu KKM beradang meminda undang-undang sedia ada bagi mewajibkan suntikan vaksin untuk kanak-kanak terutama vaksin difteria dan vaksin MMR. Apakah perkembangan-nya sekarang?

Vaksin atau imunisasi adalah salah satu cara yang berkesan untuk melindungi kanak-kanak dan penduduk negara ini daripada jangkitan penyakit.

Imunisasi ini diberi secara percuma kepada kanak-kanak di semua klinik kesihatan KKM terutamanya vaksin BCG-TB (batuk kering) seawal bayi itu dilahirkan. Justeru, ibu bapa juga perlu tahu jadual-jadual pengambilan vaksin sejak hari pertama kelahiran bayi mereka.

Selain itu, kanak-kanak turut diberikan imunisasi bagi penyakit Hepatitis B, difteria (sakit kerongkong), pertusis (batuk kokol), tetanus (sawan dalam kalangan bayi baru lahir), Hib (jangkitan paru-paru atau jangkitan selaput otak), polio dan juga MMR (demam campak, beguk dan rubela). Vaksin-vaksin ini diberikan mengikut dos yang ditetapkan pada tempoh masa tertentu.

Vaksin adalah bentuk imunisasi yang boleh mencegah penyakit daripada berjangkit dan kita melihat keperluan akta untuk vaksinasi ini. Begitupun sehingga kini, ada juga kumpulan tertentu yang tidak mahu memberi imunisasi kepada anak-anak mereka. Oleh itu, kita perlu meminda akta agar vaksinasi ini dapat kita berikan kepada semua kanak-kanak pada waktu yang diperlukan.

Adakah KKM akan menambah jumlah pengambilan pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia untuk kursus kejururawatan, kesihatan, kedokteran dan sebagainya bagi menampung keperluan perkhidmatan kesihatan pada masa akan datang?

Perkhidmatan kesihatan adalah satu daripada bidang penting yang disediakan oleh kerajaan dan ia sentiasa berkembang dari masa ke masa. KKM kini mempunyai 254,000 kakitangan di seluruh negara yang bertugas di barisan hadapan, klinik dan hospital, makmal, institut penyelidikan dan di Kementerian sendiri.

Melihat kepada jumlah kakitangan warga KKM pada hari ini, ia boleh dikatakan sesuai dan mencukupi untuk memberikan perkhidmatan kepada masyarakat. Dengan jumlah kakitangan sebanyak itu, kita berjaya menangani penularan wabak Covid-19.

Namun begitu, pengambilan pekerja baharu masih perlu dilakukan untuk mengisi kekosongan berdasarkan unjuran tahunan. Untuk itu, lepasan SPM yang layak boleh memohon untuk memasuki institusi latihan kesihatan yang ada menawarkan program berkaitan sekali gus berpeluang menjadi salah seorang warga KKM pada masa akan datang.



AKHBAR : NEWS STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS / NATION

NewStraitsTimes . FRIDAY, JUNE 19, 2020

4 | NEWS / Nation

COVID-19 CONTROL

NO DEATHS FOR FIFTH DAY RUNNING

Immigration centres remain high-risk zones, with 782 positive cases out of 13,149 tests conducted nationwide

TEH ATHIRA YUSOF
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

MALAYSIA has reported no deaths from Covid-19 for the fifth consecutive day yesterday.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said there were no deaths recorded as of noon yesterday, maintaining the country's overall death toll from the virus at 121 or 1.42 per cent.

"There are no additional death cases related to Covid-19 reported today (yesterday)," he said.

The last Covid-19 death was on June 13, involving a detainee at the Bukit Jalil Immigration Detention Centre.

The 67-year-old Indian national had been found unconscious at the centre a day earlier.

He was rushed to hospital, where he was confirmed to be positive for Covid-19. The Indian national was the country's case No. 7,468, and he became the 121st fatality.

The man had also suffered from high blood pressure, heart and

kidney diseases, as well as diabetes.

On a related matter, Dr Noor Hisham said 13,149 detainees and staff at Immigration detention centres nationwide had been tested for Covid-19, and 782 of them came back positive.

He said 11,564 of these samples had tested negative for the virus, while another 803 samples were still waiting for their test results.

"Out of the 782 people who tested positive, seven of them are Malaysian citizens while 775 are foreigners."

The 803 samples still waiting for their test results comprised 611 people at Immigration centres in Selangor, Penang (106), Sabah (77) and nine from Kuala Lumpur and Putrajaya.

Dr Noor Hisham said the Immigration detention centres were identified as high-risk zones for Covid-19 after reports of virus infections surfaced among detainees.



Datuk Dr Noor Hisham Abdullah

The Covid-19 screening at detention centres was part of the government's targeted approach to monitor high-risk groups.

Dr Noor Hisham said the screening process included tests that needed to be conducted on new detainees.

"The process also involves detainees who are being transferred from one detention centre to another. Samples must also be taken from detainees who are slated to be sent back to their country of origin."

He said all staff working at these detention centres must also undergo tests.

These Covid-19 tests were also being done randomly by the district or state Health Departments for risk evaluation purposes.

"Cases identified with Covid-19 will be isolated and admitted into the hospital for treatment and undergo an active case detection screening process."

On the overall figures yesterday, Dr Noor Hisham said the

country recorded 14 new cases of Covid-19 as of noon yesterday, comprising three imported cases and 11 local transmissions.

There were now 408 cases, which represented 4.78 per cent of active cases.

There had been 8,529 infections in the country.

"The three imported cases involved two Malaysians and one foreigner who is a permanent resident."

"Out of the 11 local transmissions, seven are foreigners while four are Malaysians."

Dr Noor Hisham said the seven cases involved foreigners, two of them detected in the capital here.

The first case was the close contact or housemate of the country's 8,455th and 8,508th case, and the other one was the close contact to case No. 8,498 as they were living together.

"In Selangor, one case involved a close contact to case No. 8,368, who is the family member to the new Covid-19 positive patient."

"In Sarawak, there were two cases recorded at a construction site."

"There was another case

recorded of a person in the Penampang police station lock-up in Sabah.

"There is one positive case involving a foreigner who was applying to leave Malaysia to return to his country of origin."

When giving the breakdown of the four Malaysians who tested positive for Covid-19, Dr Noor Hisham said two of them worked at the Bukit Jalil Immigration depot.

The remaining two Malaysians were detected in Sarawak.

Of these two cases, one of them tested positive from a Covid-19 pre-operation screening at Hospital Umum Sarawak (HUS), Kuching; while the other tested positive during a screening when applying to leave the country for an important matter.

Dr Noor Hisham said there were now four Covid-19 patients being treated at the intensive care unit, but none needed a ventilator.

The number of recovered cases as of noon yesterday stood at 127, which brought the total of recoveries to 8,000, which represented 93.8 per cent of the number of cases.



The Immigration detention centre in Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Out of the four Malaysians who were found positive for Covid-19 yesterday, two worked at the centre. FILE PIC

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Covid-19: Current situation globally

(As of 7pm June 18, 2020)

Malaysia	New cases 14	Total cases 8,529	Total deaths 121	Total recovered 8,000
----------	------------------------	-----------------------------	----------------------------	---------------------------------

Asean+	China	Indonesia	Singapore	Philippines	Japan	S. Korea	Thailand	Vietnam	Myanmar	Brunei	Cambodia	Laos
Confirmed cases	83,293	42,762	41,473	27,799	17,628	12,257	3,141	335	263	141	129	19
Deaths	4,634	2,339	26	1,116	931	280	58	0	6	3	0	0
Recovered	78,394	16,798	31,938	7,090	15,850	10,800	2,997	325	185	138	126	19

Global Top 10	US	Brazil	Russia	India	UK	Spain	Peru	Italy	Iran	Germany
Confirmed cases	2,234,854	960,309	561,091	368,557	299,251	291,763	240,908	237,828	197,647	190,179
Deaths	119,943	46,665	7,660	12,274	42,153	27,136	7,257	34,448	9,272	8,927
Recovered	918,796	503,507	313,963	194,843	N/A	N/A	128,622	179,455	156,991	173,600

'Malaysia has 93.8% recovery rate'

Health DG: 8,000 out of 8,529 Covid-19 patients have recovered

PUTRAJAYA: A total of 8,000 Covid-19 patients have recovered so far in Malaysia since the outbreak began in January.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said this translated to a 93.8% recovery rate out of the total 8,529 infections recorded in the country.

Yesterday, the country discharged another 127 patients and saw an additional 14 new cases.

"Currently, the total number of active cases is 408. All (patients) have been isolated and are being treated," said Dr Noor Hisham in a statement.

The last time Malaysia had a

lower number of active cases was on March 15 (389 cases), which was a few days before the movement control order (MCO) was implemented.

There was no death reported for the fourth day in a row, keeping the number at 121.

Of the 14 new cases, 11 of them are locally transmitted while the remaining three are imported cases.

"The three imported cases involve two Malaysians and one permanent resident who were infected abroad," said Dr Noor Hisham.

For the local transmission cases,

seven involve non-Malaysians.

Dr Noor Hisham said the seven cases were found in Kuala Lumpur (two cases), Sarawak (two), Selangor (one), Sabah (one) and Perak (one).

The cases were detected through close contacts of positive cases, as well as via health screenings.

There are four Malaysians who were infected locally, including two staff members based at the Bukit Jalil Immigration Depot.

Another two were reported in Sarawak, including one detected from pre-operation screening conducted at the Sarawak General Hospital in Kuching.

The other Sarawak case is of an

individual who was tested before flying overseas for an important matter.

Currently, there are four patients being treated at intensive care units (ICU) with none on ventilator support.

The ministry, said Dr Noor Hisham, had tested a total of 13,149 individuals at immigration depots nationwide, following the discovery of Covid-19 cases among detainees.

A total of 782 cases have been discovered from the screening exercises, of which seven cases involve Malaysians.

The positive cases were so far found at depots located in Kuala

Lumpur/Putrajaya (651 cases), Selangor (126), Sabah (three) and Melaka (two).

"Once we have identified Covid-19 positive cases, they will be admitted to hospitals for treatment, and active case detection will be conducted," said Dr Noor Hisham.

As part of the ministry's targeted approach to Covid-19, he said all new detainees at the depots must be tested first.

Those who are about to be transferred to other detention centres or deported back to their countries must also be tested.

Staff at the depots were also required to be tested, he added.

Health Ministry says two-shift system still being studied

PETALING JAYA: The Health Ministry clarified again that the implementation of the two-shift system at government health clinics is still being studied.

Its director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah reiterated the new system would only be implemented after issues such as lack of personnel were looked into and addressed.

"As stated, the proposal is being considered but is pending on an increase in staffing," he said.

Medical groups had earlier issued a joint statement opposing the implementation of the new shift system, saying that the Health Ministry must conduct a detailed study before doing so.

They cited concerns over lack of personnel and infrastructure, and also said they were seeking a meeting with Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin on the issue.

The medical groups included the Malaysian Medical Association, the Malaysian Pharmaceutical Society, the Malaysian Nurses Association, the Malayan Nurses Union, Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia and the Congress of Unions of Employees in the Public and Civil Services.

Previously, Dr Noor Hisham had said the Health Ministry would study the proposal to have a two-shift system for government clinics so that the operating hours of the clinics could be extended.

The proposal was made to ease congestion at public healthcare facilities and another was seeing patients on appointment basis.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Govt to screen individuals in high-risk groups

■ BY CINDILOO
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: The Health Ministry is now taking the targeted approach in screening people in high-risk groups for Covid-19 infection.

Its director-general, Datuk Seri Dr Noor Hisham Abdullah, said particular focus would be on those staying in detention centres for illegal migrants.

He said all detainees, including those who are to be sent back to their countries of origin, would have to take a mouth swab.

All staff working in these detention centres would also have to be screened.

He said random sampling of saliva to assess risks will also be conducted at district health offices and state health departments.

Noor Hisham said in a statement

that as of noon yesterday, 13,149 individuals have already been screened. Out of those, 782 cases of Covid-19 were found. Another 11,564 tested negative while the remaining 803 are still waiting for their test results.

Of the 782 positive cases, seven are Malaysians and the remaining 775 are foreigners. They have already been isolated and admitted to hospitals for treatment.

Active case detection is also being conducted.

Noor Hisham said as of noon yesterday, 14 new Covid-19 infections were reported. This brought the tally of positive cases to 8,529 as of yesterday. Of the 14 new cases, 11 were contracted through local transmissions and the remaining three were imported.

Of the 11 locally transmitted cases, seven were foreigners and four were

Malaysians. Of the three imported cases, there were two Malaysians.

The total number of active cases now remained at 408. Four of these cases are under intensive care. A total of 127 patients were discharged from hospitals yesterday, bringing the number of those who have recovered to 8,000.

As there were no fatalities yesterday, the death toll remains at 121.